

Dr M ada niat jadikan Pak Lah proksi: Khaled

Oleh Johan Afandi

JOHOR BAHRU: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bukan proksi kepada Tun Dr Mahathir Mohamad untuk mengurus dan menadbir negara ini, kata Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nor-din.

Beliau berkata, Perdana Menteri mempunyai tugas dan tanggungjawab besar kepada rakyat dan negara bagi memastikan Malaysia terus membangun serta mencapai pelbagai sasaran yang sudah ditetapkan Dr Mahathir sendiri seperti Wawasan 2020.

Katanya, kritikan berterusan Dr Mahathir kini sudah sampai ke tahap yang tidak sepatutnya dibuat seorang bekas pemimpin sepertinya dan ia bukan lagi serangan peribadi kepada Abdullah, malah terhadap kerajaan dan parti.

"Jika Dr Mahathir mahu legasinya kekal, beliau sepatutnya memilih untuk menjadi menteri mentor seperti Menteri Mentor Singapura, Lee Kuan Yew.

"Tetapi beliau tidak memilih demikian kerana berniat untuk menjadikan Abdullah proksinya. Sebab

itu, beliau membuat kenyataan mendakwa Abdullah Naib Presiden Umno yang paling lemah," katanya di Rumah Terbuka Aidilfitri nya di sini, semalam.

Kelmarin, pemimpin pelbagai peringkat meminta Dr Mahathir supaya segera berhenti daripada membuat kritikan dan tohmahan terhadap kepimpinan kerajaan dan Umno.

Mereka menyifatkan kritikan Dr Mahathir yang tidak berasas itu sebagai keterlaluan dan melampau.

Mohamed Khaled berkata, Dr Mahathir membuat kesilapan besar jika mahu Perdana Menteri menjadi proksi yang mengikut saja apa kehendaknya kerana semua keputusan Kabinet dan Umno dibuat secara rundingan dan perbincangan.

Katanya, rakyat tentu tidak mahu melihat Abdullah menjadi proksi kepada sesiapa pun termasuk Dr Mahathir kerana Perdana Menteri mempunyai tanggungjawab terhadap rakyat dan negara.

"Oleh kerana Dr Mahathir sudah mengkritik parti dan kerajaan, maka beliau juga perlu bersedia menerima tentangan yang padu daripada seluruh jentera parti dan kerajaan," katanya.